

PERATURAN PERMAINAN BOLA KERANJANG**1 UNDANG-UNDANG PERLAWANAN**

1.1 Selain daripada peraturan-peraturan yang terkandung, pertandingan ini akan dijalankan mengikut Undang-Undang Bola Keranjang Antarabangsa sebagaimana yang ditetapkan oleh FIBA.

1.2 Sekiranya timbul sebarang perselisihan dari segi pentafsirannya, maka undang-undang dalam Bahasa Inggeris yang terkini akan dipatuhi

1.3 Kejadian di luar dugaan dan tidak dinyatakan dalam peraturan berkenaan akan diputuskan seperti berikut :-

1.3.1 Sebarang kejadian akan diputuskan berasaskan kepada Peraturan Am SUKIPT yang dikuatkuasakan sepanjang kejohanan sukan ini.

1.3.2 Sebarang perselisihan teknikal akan diputuskan berasaskan kepada **Undang-Undang Persekutuan Bola Keranjang Antarabangsa (FIBA)**

1.3.3 Semua Keputusan yang dibuat oleh Jawatankuasa Teknikal dan Pertandingan SUKIPT 2024 **muktamad**.

2 PENDAFTARAN PEMAIN/PEMBENTUKAN PASUKAN

2.1 Setiap pasukan hanya dibenarkan 12 orang pemain serta dua (2) orang pegawai di dalam Borang Pendaftaran Pemain seperti berikut :-

| | |
|-----------|----------|
| PEMAIN | 12 orang |
| PENGURUS | 1 orang |
| JURULATIH | 1 orang |

3 REFERI KEHORMAT/KETUA PENGADIL/PENGADIL

3.1 Pengadil bertauliah akan disediakan oleh Jawatankuasa Pengelola bagi tiap-tiap permainan yang dipertandingkan mulai dari peringkat awal.

4 PAKAIAN

4.1 Setiap pasukan mestilah mempunyai dua (2) set baju yang berlainan warna iaitu putih dan warna gelap.

4.2 Untuk pertandingan, mana-mana pasukan yang disebutkan nama terdahulu akan memakai warna putih, sementara lawannya memakai warna gelap.

4.3 Nombor baju hendaklah bermula dari nombor 0 hingga nombor 99 dengan menggunakan huruf biasa. Tinggi nombor hendaklah 2 inci x 4 inci di hadapan dan 4 inci x 8 inci di belakang.

5 SISTEM PERTANDINGAN

5.1 Rujuk Peraturan Am SUKIPT 2024

5.2 Pusingan kedua akan dijalankan secara KALAH MATI yang terdiri daripada Johan Kumpulan. Sementara Naib Johan Kumpulan layak memasuki pusingan kedua sekiranya perlu yang aka ditentukan oleh Jawatankuasa Teknikal dan Pertandingan Sukipt.

5.3 Sebelum perlawanan dimulakan, pasukan-pasukan hendaklah menyerahkan boring-borang senarai pemain yang disediakan oleh Jawatankuasa Teknikal dan Pertandingan SUKIPT kepada Pengarah Pertandingan dalam masa tiga puluh (30) minit sebelum pertandingan bermula.

- 5.4 Sekiranya di akhir perlawanan dalam sesuatu Kumpulan, kiraan mat diperolehi sama, maka Keputusan akan ditentukan mengikut Peraturan FIBA
- 5.5 Permainan mengandungi empat (4) bahagian iaitu sepuluh (10) minit setiap tempoh. Masa rehat ialah dua (2) minit di antara tempoh pertama dan kedua, ketiga dan keempat, juga sebelum setiap tempoh tambahan masa.
- 5.6 Rehat separuh masa ialah sepuluh (10) minit dan tempoh tambahan masa lima (5) minit sehingga satu pasukan diisyiharkan pemenang.

6 SISTEM PERTANDINGAN

- 6.1 Semua pertandingan di dalam Kumpulan yang dijalankan secara liga akan diberi mata seperti berikut :-

| MENANG | KALAH | WALK-OVER |
|---------------|--------------|------------------|
| 2 MATA | 1 MATA | 2 MATA |

- 6.2. Mengikut Undang-undang Persekutuan Bola Keranjang Antarabangsa

7 KELEWATAN DAN KETIDAKHADIRAN

- 7.1 Setiap pasukan hendaklah berada di gelanggang dua puluh (20) minit sebelum masa perlawanan dimulakan. Pasukan yang bermain akan diumumkan oleh Jawatankuasa Teknikal. Masa yang diberi lima belas (15) minit untuk pasukan melaporkan diri. Pasukan yang lewat lima belas (15) minit dari masa pertandingan yang telah dijadualkan tanpa memberi alas an yang munasabah adalah dianggap memberi kemenangan tanpa bertanding kepada pihak lawannya itu.

8 MENARIK DIRI DAN MENYERAH KALAH

Rujuk Peraturan Am SUKIPT 2024

9 SISTEM PERTANDINGAN

9.1 Rujuk Peraturan Am SUKIPT 2024

9.2 Setiap bantahan hendaklah dihantar kepada Pengarah Pertandingan dalam masa tiga puluh (30) minit selepas pertandingan itu tamat.

10 HADIAH

| ACARA/KATEGORI | EMAS | | PERAK | | GANSA | |
|--------------------|------------|--------|------------|--------|------------|--------|
| | DITAWARKAN | JUMLAH | DITAWARKAN | JUMLAH | DITAWARKAN | JUMLAH |
| BOLA KERANJANG (L) | 1 | 12 | 1 | 12 | 1 | 12 |
| BOLA KERANJANG (W) | 1 | 12 | 1 | 12 | 1 | 12 |
| JUMLAH | 2 | 24 | 2 | 24 | 2 | 24 |